

28/10/1998

Kukuhkan semangat perpaduan

KUALA KRAI, Selasa - Umat Islam diminta mengukuhkan semangat perpaduan bagi menangani cabaran dunia Barat yang boleh menghakis nilai dan budaya Islam, kata Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Suleiman Mohamed.

Media asing sendiri mengambil sikap memburuk-burukkan Islam, termasuk menuduh kononnya orang Islam sebagai zalim, kejam dan suka berperang.

Menurutnya, ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed sendiri dalam perjuangan menegakkan Islam pula menyebabkannya dikecam sesetengah pemimpin Barat.

"Oleh itu, umat Islam mesti bersatu bagi memperkukuh perpaduan kerana tanpanya Barat mungkin dapat menakluki kedaulatan Islam dan bangsa Melayu dengan mudah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Forum Perdana Hal Ehwal Islam peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Guchil, di Sekolah Menengah Teknik di sini.

Turut hadir Pengerusi Kesedar, Datuk Wan Zaid Wan Abdullah; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Guchil, Mohd Razali Che Mamat dan Pengarah Penerangan negeri, Ramli Yusof.

Hanya dengan berpegang kepada ajaran Islam, umat Islam dapat menjamin kebahagiaan di dunia dengan aman dan selamat berbanding kehidupan Barat yang membawa kehancuran.

Rakyat juga harus memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri dalam usaha memperkukuh kerajaan Melayu dan memastikan perjuangan menegakkan kesucian Islam terus kekal.

(END)